



KENYATAAN MEDIA

**YB DATUK MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MALAYSIA**

29 SEPTEMBER 2015

IMPAK TAUFAN DUJUAN KEPADA MALAYSIA

Taufan Dujuan telah melanda Taiwan pada malam 28 September 2015 dan sedang menuju ke bahagian timur China pada hari ini, 29 September 2015. Berikutan daripada itu, keadaan cuaca berjerebu yang dialami sekarang dijangka akan semakin pulih apabila arah angin mula berubah yang seterusnya mengurangkan jerebu rentas sempadan.

Ingin saya jelaskan disini bahawa impak daripada Taufan Dujuan ini kepada Malaysia ialah perairan negara mengalami angin kencang dan laut bergelora sejak 14 September dan dijangka sehingga 30 September 2015. Hasil dari pemantauan MetMalaysia, tiupan angin dari selatan dan barat daya juga menyebabkan negara mengalami jerebu rentas sempadan yang teruk sejak 18 September 2015.

Datuk Madius Tangau
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Malaysia**

**Phone: 03-8885 8141, Fax: 03-8890 3092
Email: ukk.mosti@1govuc.gov.my**

